



PRESS RELEASE

WARNING!

Beware of bogus spot commodity/index trading firms

The Securities Commission (SC) would like to warn members of the public against placing their investments with bogus spot commodity/index trading firms. Numerous people have lost large sums of money after investing through these firms.

The SC's warning follows several public complaints made by the public to the SC and the local media, as well as the SC's raids on such firms. The SC's raids were recently widely publicised by various newspapers.

From the SC's raids on these companies, it was discovered that they were carrying out futures trading activities without a licence from the SC. The SC also found that the operators of these firms have attempted to disguise their operations by gradually shifting the mode of their activities from spot commodities trading to trading in indices such as the Hang Seng index, the Dow Jones Islamic Market Indices and other indices quoted in other foreign capital markets. Essentially, although the underlying products of these firms may vary, the modus operandi remains the same.

The SC had on 1 November 2000 publicised the modus operandi of bogus spot commodity trading firms. This was to assist investors to identify and avoid falling prey to such companies. For the benefit of investors, the SC would like to reiterate the points on how to spot a bogus spot commodity/index trading firm.

How to identify a bogus spot commodity/index trading firm

Members of the public may identify firms that undertake illegal trading of spot commodities/indexes by looking out for the following features:

- Such companies claim to be "agents" for foreign trading houses, usually incorporated in jurisdictions such as Macau, Indonesia, Singapore, Hong Kong, the British Virgin Islands and the Bahamas.
- Although they claim to trade their products in the foreign market, they are usually unable to provide substantial evidence of these trades being transmitted to foreign futures exchanges. The traders in these companies practice what is known as "bucketing" i.e. where they execute customers' orders for their account instead of on the market, with the hope of profiting from an off-setting transaction at a future time.
- These companies frequently place recruitment advertisements for positions such as executives, administrative assistants or clerks. Job seekers are enticed by promises of lucrative four-figure salaries among others. The shortlisted candidate goes through an "interview" and upon becoming an employee, is



PRESS RELEASE

put through a brief period of " training" . At the end of the training, the employee is then encouraged to invest their savings in the products as well as solicit new investors which usually turn out to be their relatives and friends. In some cases, the employee is threatened with no pay unless they invest their money or bring in new investors.

- Investors are usually asked to pay an initial sum known as a " margin deposit" which ranges from USD3,000 to USD5,000. Investors are then told that their investments have been relayed to the company's foreign principal and that they are to sign a trade agreement with the company's purported foreign principal.
- The trading hours of such companies correspond with the trading hours of the foreign exchanges they purportedly deal in. For example, a company dealing in the Hang Seng index would trade during daylight hours while one that supposedly trades in the US stock or commodities markets would do so late at night until the early hours of the morning.
- Based on the experience of victims, the initial so-called " margin deposits" are usually depleted within a matter of days, resulting in " margin calls" . Margin calls are requests by the company from their clients for additional deposits to be placed for trading to continue. The company usually encourages investors to continue trading to recoup their losses. Convinced investors would then make the additional deposits and the process is then repeated resulting in the investors' losses increasing.

As part of a ploy to trick investors, the company will occasionally show some trading profit in the investors' accounts. However, investors will find that they are unable to cash-in those gains.

Eventually, investors lose all their money. In almost all cases, investors have no control over how their trading accounts are managed as they would have signed over authority to the company's traders to execute trades on their behalf.

The SC strongly urges the public to be vigilant when investing with local or foreign investment companies. There are many unscrupulous parties who may be taking advantage of the current economic climate to lure investors to seemingly high-return investment activities. The public should note that almost all types of investments are regulated by Government agencies such as the SC. The public should check with the SC or the relevant authority on the licensing status of the local or foreign company they are investing through.

Steps for investors

To safeguard their interests, members of the public are advised to make investments only through licensed companies. A list of all intermediary companies licensed by the SC is available on the SC's official website at www.sc.com.my. Investors may also contact the SC's Corporate Affairs Department at tel no: 03-6204 8000/ fax no: 03-62015078 / e-mail:



PRESS RELEASE

cau@seccom.com.my, to verify the licensing status of a company.

Investors may also lodge complaints with the SC's Complaints Unit at tel: 603-6204 8999 / e-mail: aduan@seccom.com.my.

Frequently-asked-questions (FAQs)

Investors may refer to the list of FAQs on illegal trading of spot commodities/indices, which is provided below and also available on the SC's official website.

1) What is spot trading?

Spot trading is the buying or selling of products for immediate delivery. It encompasses any sale and purchase agreement. Any product can be traded for example commodities (like coffee, crude palm oil and rubber) cash, indices etc. In genuine spot commodity trading, the purchaser buys a commodity for example coffee, and takes physical delivery of coffee from the seller.

2) What is the difference between spot commodity/index trading carried out by the bogus firms and actual futures trading?

The so-called spot commodity trading carried out by the bogus firms is in fact futures trading because elements of futures trading such as non-physical delivery of commodities, closing of positions to realise gain or losses, leveraged trading, acceptance of margin deposits and margin calls, "roll-over" of open positions, are involved.

Buying commodities on the spot/cash market, as explained above, really means buying a particular commodity at its current or "spot" price and taking physical delivery of that commodity.

In the case of indices, it is impossible to trade or take delivery of an index as it does not exist in any physical form. An index is merely a benchmark against which financial or economic performance is measured. The only way to "trade indices" is to trade in a futures or options contract, which has an index as its underlying product. Therefore, the so-called spot index trading carried out by the bogus firms is in fact futures trading.

3) How are the bogus spot commodity companies illegal?

They carry out futures trading without a licence from the SC.



PRESS RELEASE

- 4) Where are these bogus spot commodity trading firms normally located?

These bogus spot commodity/index trading firms are located throughout the country, especially in the cities and larger towns.

- 5) Some of the firms are registered with the Registrar of Companies (ROC). Does this mean that they are legitimate?

While some of the companies are registered with the ROC, they will still need to be licensed by the SC, to be considered legitimate, if their activities constitute futures trading.

- 6) The company says that it is not breaking the law and showed me a letter from the Commodities Trading Commission which was accompanied by a legal opinion. The Commodities Trading Act 1985 was also cited to vouch for the validity of the company. How valid are these claims?

The Commodities Trading Commission ceased to exist following its merger with the SC on 16 April 1997. The merger brought the regulation of commodity futures under the purview of the SC. The expansion of SC's powers was effected through the Futures Industry (Amendment and Consolidation) Act 1997, which repealed the Commodities Trading Act 1985. Commodities futures trading is now governed by the Futures Industry Act 1993. Hence, any statement or opinion given in regard to the Commodities Trading Act 1985 can no longer be applicable.

- 7) The company told me that I actually do not trade through it (the company). Instead, I am supposedly trading directly with the company's principal which is based overseas. On this basis, the company says, they don't need a licence from the SC. Is this true?

This is not true because as long as the foreign company or its Malaysian agent conducts trades for Malaysian investors, a licence from the SC is needed.

- 8) How do these bogus spot commodity firms find their clients?

These companies usually find their clients through the direct marketing method. The prospecting for new clients is either carried out directly by the company's traders (who are sometimes called " investment consultants/business managers") or indirectly by new staff recruits. These innocent new recruits will usually ask their friends and relatives to invest their money.



PRESS RELEASE

- 9) How will I be affected if I invest in a company which is found to be illegal?

The SC would like to advise the public to invest only through licensed intermediaries because investors can have the protection afforded from the securities laws which govern these intermediaries. Investors may seek compensation from a fidelity fund if they experience losses as a result of a licensed company's misconduct. On the contrary, no such recourse is available for investors who invest through illegal companies. Licensed intermediaries and their employees are required by law to be honest and responsible in dealing with investors' monies. Licensed companies will face action by the SC or the exchange if they fail to do so.

- 10) How would I know if a company is licensed by the SC?

Check with the SC's website at www.sc.com.my which provides a complete and updated list of licensed intermediary companies. The public may also contact the SC's Complaints Unit at 03-62048999 or SC's Licensing Department at 03-62048000 to verify the licensing status of a particular company.

- 11) What should I do if I have already placed my money with an illegal spot commodity/index trading company?

First and foremost, you must refrain from investing further or topping up your investments. You should also start collecting all documentation as proof of your involvement and investments. Forward your complaint to the SC. Your complaint will help the SC in its enforcement actions and help prevent others from falling prey to such scams.

- 12) Should I make a police report?

It is advisable to do so as your case may disclose offences under the Penal Code, for which enforcement would be undertaken by the police.

- 13) Can I recover my money or at least recoup my losses?

You will have to take civil action against the company to recover your money. Please consult a lawyer on the available legal actions that you can take.

- 14) What sort of action is the SC taking to address the problem of bogus spot commodity/index firms?



PRESS RELEASE

The SC is adopting a two-pronged approach to address the problem of bogus spot commodity/index firms. This involves enforcement action and investor education. In terms of enforcement, the SC has conducted and will continue conducting raids on these bogus spot commodity/index trading firms. We have also charged one individual for illegally operating a futures market - he pleaded guilty recently. To educate investors, the SC has issued investor alerts such as this one. Periodic reminders will be issued to the public. We have also given investors a guide on how to spot these bogus spot commodity/index trading firms. We hope that FAQs such as this one will also enhance investor awareness of this problem.

- 15) Why isn't the SC investigating Company X? What is the SC doing about other companies also involved in spot trading?

The SC, as with any other enforcement authority, has to be discreet about the details of its enforcement work so as not to jeopardise the success of a case. While we are unable to disclose to the public the names of the companies under investigation until more concrete evidence is secured / until the case is at a more advanced stage, we would like assure investors that the SC's enforcement work is on-going. The SC has received information on many spot-commodities and index companies through complaints from victims and even former staff members of these companies. SC has noted the names and locations of these companies and will be able to take action against them at the appropriate time.

- 16) Where can I forward information or submit a complaint on bogus spot commodity / index trading firms?

Write to SC's Complaints Unit at:

Complaints Unit,
Securities Commission,
3 Persiaran Bukit Kiara,
Bukit Kiara,
50490 Kuala Lumpur
Fax: 03-62048991
Email aduan@seccom.com.my.

The public may also call the Complaints Unit at 03-62048999.

SECURITIES COMMISSION
13 December 2001

PRESS RELEASE

PERINGATAN!

Berhati-hati terhadap syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran

Suruhanjaya Sekuriti (SC) ingin mengingatkan orang ramai agar jangan membuat pelaburan dengan syarikat-syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran. Sebilangan orang telah kehilangan wang yang banyak selepas melabur melalui syarikat-syarikat ini.

Peringatan SC ini adalah berikutan aduan yang dibuat kepada SC dan pihak media tempatan oleh mangsa serta serbuan oleh SC ke atas syarikat berkenaan. Serbuan SC baru-baru ini telah disiarkan oleh pelbagai akhbar.

Hasil serbuan SC ke atas syarikat-syarikat ini, mendapati bahawa syarikat itu menjalankan aktiviti dagangan niaga hadapan tanpa mendapat lesen daripada SC. SC juga mendapati pengendali syarikat ini cuba menyembunyikan operasi mereka dengan selalu menukar cara aktiviti mereka daripada dagangan komoditi lani kepada dagangan dalam indeks seperti indeks Hang Seng, Indeks Pasaran Islam Dow Jones dan indeks lain yang disebutkan di pasaran modal asing lain. Pada asasnya, walaupun produk pendasar syarikat ini mungkin berbeza, modus operandi kekal sama.

Pada 1 November 2000, SC telah menyiarkan modus operandi syarikat yang dagangan komoditi lani samaran. Ini adalah untuk membantu para pelabur mengenal pasti dan mengelakkan diri daripada menjadi mangsa kepada syarikat sedemikian. Untuk manfaat pelabur, SC ingin menyatakan panduan untuk mengenal pasti syarikat yang menjalankan dagangan komoditi/indeks lani secara tidak sah.

Bagaimana untuk mengenal pasti syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran

Orang ramai boleh mengenal pasti syarikat yang menjalankan dagangan komoditi/indeks lani secara tidak sah dengan memeriksa ciri-ciri berikut:

- Syarikat sedemikian mendakwa bahawa mereka adalah "ejen" bagi rumah-rumah dagangan asing, yang biasanya ditubuhkan dalam bidang kuasa seperti Macau, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Kepulauan British Virgin dan Bahama.
- Walaupun mereka mendakwa memperdagangkan produk mereka dalam pasaran asing tersebut, mereka selalunya tidak mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan dagangan ini disalurkan kepada bursa-bursa niaga hadapan asing. Pedagang-pedagang syarikat ini mengamalkan apa yang dikenali sebagai "bucketing", yang mana mereka melaksanakan pesanan pelanggan bagi akaun mereka sendiri dan bukannya di pasaran, dengan harapan mengaut keuntungan daripada sesuatu urusan niaga 'offset' pada masa hadapan.



PRESS RELEASE

- Syarikat-syarikat ini kerap meletakkan iklan pengambilan kakitangan bagi jawatan seperti eksekutif, pembantu pentadbir atau kerani. Pencari kerja dijanjikan antara lain dengan gaji empat angka yang lumayan. Calon-calon yang disenarai pendek akan ditemu duga dan selepas menjadi kakitangan, akan diberikan " latihan" singkat. Pada akhir latihan tersebut, kakitangan itu akan digalakkan untuk melabur simpanan mereka dalam produk serta menarik pelabur baru yang selalunya terdiri daripada saudara-mara dan rakan-rakan kakitangan tersebut. Dalam beberapa kes, kakitangan tersebut diugut tidak akan diberi gaji sehingga mereka melabur wang mereka atau membawa masuk pelabur baru.
- Pelabur biasanya diminta untuk membuat bayaran permulaan yang dipanggil " deposit margin" berjumlah sekitar USD3,000 hingga USD5,000. Pelabur kemudian diberitahu bahawa pelaburan mereka telah disalurkan kepada prinsipal asing syarikat tersebut dan mereka dikehendaki menandatangani satu perjanjian dagangan, kononnya dengan prinsipal asing syarikat tersebut.
- Waktu dagangan syarikat ini berbetulan dengan waktu dagangan bursa-bursa asing yang mereka dakwa berurusan dengan mereka. Sebagai contoh, sebuah syarikat yang berurusan dalam indeks Hang Seng akan menjalankan dagangan pada waktu siang sementara dagangan dengan pasaran saham atau komoditi AS akan berbuat demikian pada waktu lewat malam sehingga awal pagi.
- Berpandukan pengalaman mangsa, bayaran permulaan yang dipanggil " deposit margin" selalunya akan kehabisan dalam masa beberapa hari, yang mengakibatkan " panggilan margin" . Panggilan margin merupakan permintaan syarikat daripada pelanggan mereka untuk meletakkan deposit tambahan bagi meneruskan dagangan. Syarikat tersebut selalunya menggalakkan para pelabur untuk terus membuat dagangan untuk menampung kerugian mereka. Pelabur yang terpedaya akan membuat deposit tambahan dan proses tersebut berulang dan mengakibatkan kerugian yang meningkat kepada pelabur.

Sebagai sebahagian daripada rancangan untuk menipu para pelabur, kadang kala syarikat tersebut akan menunjukkan beberapa keuntungan dagangan dalam akaun pelabur. Walau bagaimanapun, pelabur akan mendapati bahawa mereka tidak boleh menunaikan keuntungan tersebut.

Akhirnya, pelabur kehilangan kesemua pelaburan mereka. Dalam kebanyakan kes, pelabur tidak mempunyai kawalan ke atas kaedah dagangan dalam akaun mereka, kerana mereka telah memindahkan hak kepada pedagang syarikat tersebut untuk melaksanakan dagangan bagi pihak mereka.

SC menggesa orang ramai agar berhati-hati apabila melabur dengan syarikat pelaburan tempatan atau luar negara. Terdapat banyak pihak yang tidak bertanggung jawab yang mengambil kesempatan keadaan ekonomi semasa untuk memikat pelabur kepada aktiviti pelaburan yang kelihatan mempunyai pulangan tinggi. Orang ramai harus mengetahui



PRESS RELEASE

bahawa hampir kesemua jenis pelaburan dikawal selia oleh agensi Kerajaan seperti SC. Orang ramai mesti memeriksa dengan SC atau pihak berkuasa berkaitan mengenai status pelesenan syarikat tempatan atau luar negara yang mereka gunakan sebagai saluran pelaburan mereka.

Langkah-langkah bagi pelabur

Untuk melindungi kepentingan mereka, orang ramai adalah dinasihatkan agar membuat pelaburan mereka hanya melalui syarikat berlesen. Senarai semua syarikat perantara yang diberikan lesen oleh SC boleh didapati di laman web SC di www.sc.com.my. Pelabur juga boleh menghubungi Jabatan Hal Ehwal Korporat SC di talian: 03-6204 8000/ faks: 03-62015078 / e-mel: cau@seccom.com.my, untuk mengesahkan status pelesenan sesebuah syarikat.

Pelabur juga boleh mengemukakan aduan kepada Unit Pengaduan SC di talian: 603-6204 8999 / e-mel: aduan@seccom.com.my.

Soalan-Soalan Lazim (FAQs)

Pelabur juga boleh merujuk kepada senarai soalan lazim mengenai dagangan komoditi/indeks laini tidak sah, yang disediakan di bawah dan juga didapati di laman web SC.

1) Apakah dagangan laini?

Dagangan laini merupakan pembayaran atau penjualan produk bagi penghantaran segera. Ia mengandungi sebarang perjanjian jual beli. Mana-mana produk boleh didagangkan, sebagai contoh komoditi (seperti kopi, minyak sawit mentah dan getah, tunai, indeks dan sebagainya). Dalam dagangan komoditi sebenar, pembeli membeli sesuatu komoditi sebagai contoh, kopi, dan menerima penghantaran fizikal kopi daripada penjual.

2) Apakah perbezaan antara dagangan komoditi/indeks laini yang dijalankan oleh syarikat samaran dan dagangan niaga hadapan yang sebenar?

Apa yang dipanggil dagangan komoditi laini yang dijalankan oleh syarikat samaran tersebut sebenarnya ialah dagangan niaga hadapan kerana wujudnya unsur dagangan niaga hadapan seperti penghantaran bukan fizikal komoditi, penutupan kedudukan untuk merealisasikan keuntungan atau kerugian, dagangan berleveraj, penerimaan deposit margin dan panggilan margin, "roll-over" kedudukan terbuka dan sebagainya.



PRESS RELEASE

Membeli komoditi di pasaran lani/tunai seperti yang diterangkan di atas bermakna membeli sesuatu komoditi pada harga semasa atau " lani" nya dan menerima penghantaran fizikal komoditi tersebut.

Dalam kes indeks, adalah mustahil untuk berdagang atau menerima penghantaran sesuatu indeks kerana ia tidak wujud dalam bentuk fizikal. Satu indeks hanya merupakan satu ukur rujuk bagi prestasi kewangan atau ekonomi. Satu-satunya cara untuk " memperdagangkan indeks" ialah dengan berdagang dalam sesuatu kontrak niaga hadapan atau opsyen yang mempunyai indeks sebagai produk sandarannya. Oleh itu, apa yang dipanggil dagangan indeks lani yang dijalankan oleh syarikat samaran tersebut sebenarnya ialah dagangan niaga hadapan.

- 3) Kenapakah syarikat dagangan komoditi lani tidak sah?

Mereka menjalankan dagangan niaga hadapan tanpa lesen daripada SC.

- 4) Di manakah letaknya syarikat dagangan komoditi lani samaran ini?

Syarikat dagangan komoditi/indeks lani tidak sah ini terdapat di seluruh negara, khususnya di bandaraya dan bandar-bandar besar.

- 5) Beberapa syarikat tersebut berdaftar dengan ROC. Adakah ini bermakna syarikat ini sah?

Walaupun beberapa syarikat didaftarkan dengan ROC, syarikat ini masih perlu dilesenkan oleh SC, untuk dianggap sah, sekiranya aktiviti mereka merupakan dagangan niaga hadapan.

- 6) Syarikat itu mengatakan bahawa ia tidak melanggar undang-undang dan menunjukkan saya surat daripada Suruhanjaya Dagangan Komoditi yang disertakan dengan satu pendapat undang-undang Akta Dagangan Komoditi 1985 juga mengatakan kesahihan syarikat itu. Sejauh manakah dakwaan mereka ini?

Suruhanjaya Dagangan Komoditi tidak lagi wujud berikutan penggabungannya dengan SC pada 16 April 1997. Penggabungan tersebut membawa peraturan mengenai niaga hadapan komoditi diletakkan bawah bidang kuasa SC. Penambahan bidang kuasa Sc berkuat kuasa melalui Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 (Pindaan dan Penggabungan), yang memansuhkan Akta Dagangan Komoditi 1985. Dagangan komoditi niaga hadapan sekarang ditadbir oleh Akta Perindustrian Niaga

PRESS RELEASE

Hadapan 1993. Oleh itu, sebarang kenyataan atau pendapat yang diberikan berkenaan dengan Akta Dagangan Komoditi 1985 tidak lagi terpakai.

- 7) Syarikat tersebut memaklumkan saya bahawa saya sebenarnya tidak berdagang melaluinya (syarikat tersebut). Sebaliknya, saya sepatutnya berdagang secara terus dengan syarikat prinsipal yang beribu pejabat di luar negara. Berpandukan ini, syarikat tersebut mengatakan bahawa mereka tidak memerlukan lesen daripada SC. Adakah ini benar?

Ini adalah tidak benar kerana selagi syarikat luar negara tersebut atau ejennya di Malaysia menjalankan dagangan bagi pelabur Malaysia, lesen daripada SC adalah dikehendaki.

- 8) Bagaimanakah syarikat komoditi ini samaran ini mendapat pelanggan mereka?

Syarikat ini biasanya mendapat pelanggan mereka melalui kaedah pemasaran langsung. Pencarian pelanggan baru adalah sama ada dilakukan secara langsung oleh pedagang syarikat (yang dipanggil "jururunding pelaburan/pengurus perniagaan") atau secara tidak langsung oleh kakitangan baru. Kakitangan baru yang tidak bersalah ini biasanya akan meminta rakan-rakan dan saudara-mara mereka untuk melabur wang mereka.

- 9) Apakah akibatnya jika saya melabur dalam sesebuah syarikat yang didapati tidak sah?

SC ingin menasihatkan orang ramai supaya melabur hanya melalui perantara yang berlesen kerana pelabur boleh mendapat perlindungan secukupnya daripada undang-undang sekuriti yang mentadbir perantara ini. Pelabur boleh mendapatkan pampasan daripada dana 'kesetiaan' (fidelity fund) jika mengalami kerugian akibat salah laku sesebuah syarikat berlesen. Sebaliknya, tiada perlindungan bagi pelabur yang melabur melalui syarikat tidak sah. Perantara berlesen dan kakitangan mereka dikehendaki oleh undang-undang supaya jujur dan bertanggung jawab ketika berurusan dengan wang pelabur. Syarikat berlesen akan menghadapi tindakan oleh SC atau pihak bursa sekiranya mereka gagal berbuat demikian.

- 10) Bagaimana saya mengetahui sekiranya sesebuah syarikat itu dilisenkan oleh SC?

Semak di laman web SC di www.sc.com.my yang menyediakan senarai lengkap dan dikemas kini syarikat perantara berlesen. Orang ramai juga boleh menghubungi Unit Pengaduan SC di talian 03-62048999 atau Jabatan Pelesenan SC di talian 03-62048000 untuk mengesahkan status pelesenan sesuatu syarikat.



PRESS RELEASE

- 11) Apakah yang harus saya lakukan sekiranya saya sudah melabur wang saya dengan syarikat dagangan komoditi/indeks lani yang tidak sah?

Pertamanya, anda mesti menjauhkan diri daripada terus melabur atau menambah pelaburan anda. Anda juga hendaklah mula mengumpulkan semua dokumen sebagai bukti pembabitan dan pelaburan anda. Kemukakan aduan anda kepada SC. Aduan anda akan membantu SC dalam tindakan penguatkuasaannya dan dapat menghalang orang lain daripada menjadi mangsa penipuan sedemikian.

- 12) Haruskah saya membuat laporan polis?

Anda adalah dinasihatkan supaya berbuat demikian kerana kes anda boleh dianggap kesalahan bawah Kod Kesiksaan, yang mana penguatkuasaan akan diambil oleh pihak polis.

- 13) Bolehkah saya mendapatkan semula wang saya atau sekurang-kurangnya mendapatkan semula kerugian?

Anda harus mengambil tindakan sivil terhadap syarikat tersebut untuk mendapatkan semula wang anda. Sila dapatkan khidmat peguam mengenai tindakan undang-undang yang tersedia yang boleh diambil.

- 14) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak SC dalam menangani masalah mengenai syarikat komoditi/indeks lani samaran ini?

SC mengambil pendekatan dua serampang dalam menangani masalah mengenai syarikat komoditi/indeks lani samaran. Ini termasuk tindakan penguatkuasaan dan pendidikan pelabur. Dari segi penguatkuasaan, SC telah menjalankan dan akan terus mengadakan serbuan ke atas syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran ini. Kami juga telah mengenakan pertuduhan ke atas seorang individu kerana menjalankan pasaran niaga hadapan secara tidak sah - beliau mengaku bersalah baru-baru ini.

Untuk mendidik pelabur, SC telah mengeluarkan peringatan untuk pelabur seperti ini, yang merupakan kali kedua pihak kami berbuat demikian. Peringatan berkala akan disiarkan kepada orang ramai. Kami juga telah menyediakan panduan tentang bagaimana untuk mengenal pasti syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran ini. Kami berharap soalan-soalan lazim seperti ini akan meningkatkan kesedaran pelabur mengenai masalah ini.



PRESS RELEASE

- 15) Kenapa SC tidak menyiasat Syarikat X? Apakah yang dilakukan oleh SC terhadap syarikat lain yang juga terlibat dalam dagangan lani?

SC, seperti juga pihak berkuasa penguatkuasaan yang lain, perlu berhati-hati mengenai butiran usaha penguatkuasaannya supaya tidak menghalang kejayaan sesuatu kes. Walaupun kami tidak boleh mendedahkan kepada orang ramai nama-nama syarikat bawah penyiasatan sehingga lebih banyak bukti kukuh diperolehi/ sehingga kes tersebut berada di peringkat yang lebih lanjut, kami ingin meyakinkan pelabur bahawa usaha penguatkuasaan SC masih terus berjalan. SC telah menerima maklumat mengenai banyak syarikat komoditi dan indeks lani melalui aduan daripada mangsa dan bekas kakitangan syarikat-syarikat ini. SC telah mendapatkan nama dan lokasi syarikat-syarikat ini dan berupaya untuk mengambil tindakan ke atas mereka pada masa yang sesuai.

- 16) Ke manakah boleh saya kemukakan maklumat atau mengemukakan sesuatu aduan mengenai syarikat dagangan komoditi/indeks lani samaran?

Sila tulis kepada Unit Pengaduan SC di:

Unit Pengaduan,
Suruhanjaya Sekuriti,
3 Persiaran Bukit Kiara,
Bukit Kiara,
50490 Kuala Lumpur
Faks: 03-62048991
E-mel aduan@seccom.com.my

Orang ramai juga boleh menghubungi Unit Pengaduan di talian 03-62048999.

SURUHANJAYA SEKURITI
13 Disember 2001